



# BULETIN IKIM

اینسٹیتوٹ کفہام اسلام ملیسیا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

## EXPERT CONSULTATION “RELIGIOUS RESPONSES TO CLIMATE CHANGE AND ENVIRONMENTAL DEGRADATION”



Antara pembentang yang terlibat dalam Expert Consultation Religious Responses to Climate Change and Environmental Degradation anjuran IKIM

Pada 24 November 2020, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan *Expert Consultation “Religious Responses to Climate Change and Environmental Degradation”*, secara dalam talian (online). Dalam ucapan tema Penggerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, beliau telah menyentuh berkenaan beberapa cabaran alam sekitar yang dihadapi seperti kesan-kesan perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti yang antara lain berpunca daripada aktiviti manusia. Berkaitan perkara ini, beliau telah mengutarkan empat prinsip Islam sebagai panduan dalam

menangani isu berkaitan alam sekitar. Prinsip-prinsip tersebut ialah khalq, khilafah, mizan dan shukur. Dalam program ini, seramai 12 orang tokoh telah mengambil bahagian iaitu Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar, Dato’ Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Pengarah Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Mohd Nizam bin Mohd Said, Pengarah Institut Laut dan Sains Bumi, Prof. Dr. Sumiani binti Yusoff, Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Prof. Dato’ ChM. Dr. Mazlin bin Mokhtar, Pengarah Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia, Ir. Azman bin Mat Jusoh, Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Prof. Dr. Ahmad bin Ismail, Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato’ Hj. Zahari bin Ibrahim, Institut Tenaga Lestari, Universiti Tenaga Nasional, Prof. Dr. Nowshad bin Amin, Pengarah Pusat Kesediaan dan Pencegahan Bencana, Universiti Teknologi Malaysia, Dr. Khamarrul Azahari bin Razak, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya, Dr. Mohd Istajib bin Mokhtar dan Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh.

## EXPERT CONSULTATION “DEVELOPING THE ISLAMIC MIND”



Ucapan tema yang disampaikan oleh Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Penggerusi IKIM

Pada 8 Disember 2020, IKIM telah mengadakan *Expert Consultation on “Developing the Islamic Mind.”* Dalam ucapan tema Penggerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid telah menggariskan bahawa pemikiran atau minda perlu diberi takrifan semula yang lebih tepat dan segar ke arah kemampuan fungsi fikir yang lebih tepat, bijaksana dan bermaslahah. Dan antara lain beliau menyoal: *Are they (Islamic countries) mindful of the fact that their wealth helps others more than it helps the Muslims themselves?... whether Islamic countries implement effective steps to eliminate corrupt practices, and abuse of power, as well as having the political will to enforce the corruption and criminal laws without fear or favour.”*

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin telah membentangkan kertas kerja secara atas talian bertajuk “*Sustaining Malaysia’s Development Through the Enculturalation of Ethics & Values*” di Webinar 4th ILSAS International Virtual Conference on Learning & Development (ICLAD2020) pada 9 November 2020 anjuran TNB Integrated Learning Solution (ILSAS).

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin telah membentangkan kertas kerja secara atas talian bertajuk “Kelestarian Ilmu Pengetahuan Membentuk Tamadun” di Sesi Webinar Bersama Ketua Pengarah IKIM pada 17 Disember 2020 anjuran Universiti Malaysia Kelantan.


Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail telah membentangkan kertas kerja secara atas talian bertajuk “Memperkasakan Ummah melalui Realisasi Ilmu” di Siri Dialog Sosio Budaya pada 19 November 2020 anjuran Majlis Dakwah Negara.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran selaku ahli panel dalam Rancangan Fikrah TV1 dengan tajuk pembentangan “Bahaya Liberalisme Agama” pada 1 Oktober 2020 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran telah membentangkan kertas kerja secara atas talian bertajuk “Makna Agama dan Faham Wahyu” di Siri Wacana Pandangan Alam Islam (WISE) 2020 pada 3 & 10 Oktober 2020 anjuran Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM).

Felow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, En. Md. Asham bin Ahmad telah membentangkan kertas kerja secara atas talian bertajuk “Etika dan Ilmu Menurut Perspektif Islam” di Program Bicara Ilmu pada 15 Oktober 2020 anjuran Jabatan Pengajian Moral, Sivik & Pembangunan Karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## WACANA KHAS “NEW ZEALAND PALING ISLAMIK: MALAYSIA BAGAIMANA”



Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengerusi IKIM bersama barisan pembentang di Expert Consultation “New Zealand Paling Islamik: Malaysia Bagaimana?”

Pada 22 Disember 2020, IKIM telah menganjurkan Wacana Khas bertajuk ‘New Zealand Paling Islamik: Malaysia Bagaimana?’

Ucapan tema bagi wacana khas ini telah disampaikan oleh Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid dan antara lain telah memberi cabaran kepada ahli-ahli wacana apabila beliau menyatakan demikian: “menurut penilaian hukum fiqh, ada tiga kategori negara: (i) negara Islam (ii) negara kafir yang berperang dengan Islam, dan (iii) negara kafir yang tidak memerangi Islam. Wacana ini mungkin hendak membincangkan dalam kategori manakah negara New Zealand berada?” Program ini telah disertai oleh pakar dan pemikir dari

pelbagai latar belakang iaitu Ahli IKIM yang juga setiausaha Politik kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Wan Mohammad bin Dato’ Sheikh Abdul Aziz, Penyandang Kursi Yayasan Tunku Abdul Rahman, Universiti Malaya, Datuk Emeritus Prof. Dr. Shad Saleem Faruqi, Ahli IKIM, Prof. Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussain Alhabshi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, *International Institute of Advanced Islamic Studies*, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Aidil, Ahli IKIM yang juga Penyandang Kursi Institut Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA, Prof. Dr. Shamrahyu binti Ab. Aziz, Fellow Utama, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong, Ahli IKIM, Prof. Dato’ Seri Dr. Zaleha binti Kamaruddin, Ahli IKIM, Ir. Dr. Haji Muhamad Fuad bin Abdullah dan Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran selaku moderator.

## KUNJUNGAN HORMAT DUTA SWEDEN KE IKIM



Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dan Duta Sweden di Malaysia, H.E Mr. Dag Juhlin-Dannfelt

Pada 11 November 2020, Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin menerima kunjungan hormat daripada Duta Sweden di Malaysia, H.E Mr. Dag Juhlin-Dannfelt. Kunjungan Duta Sweden ke IKIM susulan daripada penerbitan artikel yang ditulis oleh Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran berkaitan pendekatan maqasid shariah dan usul al-fiqh yang disiarkan di New Straits Times pada 10 Oktober 2020 bertajuk “The Priority of Preventing Harm in Society”.

## ANUGERAH PENCINTA NASYID IKIM 2020



Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dan Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengerusi IKIM ketika menyampaikan hadiah kepada Juara APNI 2020 iaitu Kumpulan Hikmah.



En. Farihin bin Abd Fatah, Mentor APNI 2020 dan En. Mahathir bin Shaharuddin, Pengurus Besar Radio bersiaran di Selamat Pagi Malaysia TV1 pada 11 Disember 2020



En. Fuad bin Zabidi (Fuad Ko), Penerbit dan Komposer dan Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dalam slot Assalamualaikum TV Al-Hijrah pada 11 Disember 2020.

Jatuh Rebah tersungkur Rintih Jiwa merintih	Setelah berlalu segala pilu Baru ku lihat sinarmu Pelangi indah Di akhir hujan Menjelma jua
Bagi diragut segala Terbiar nyawa melara Menggegar ketabahan	Dan terserlah keindahan Ku rasa dakapmu Tuhan
حسبنا الله ونعم الوكيل نعم المولى ونعم النصير	Kelam Warna duniaku kelam Dapatkan merasakan Hangat airmata Pada setiap sujudku
Hasbunallah wani'mal wakil Ni'mal maula wani'man nasir	Ku menyerahkan hidupku Pada mu Ya Tuhanku
Sukar ku memahami Rahsia di langit Terselindung begini Jalanan hidup diduga Bilakah hentinya	Ada hikmahnya

Lirik lagu Juara Anugerah Pencinta Nasyid IKIM (APNI 2020)

IKIM telah memartabatkan industri nasyid di Malaysia dengan penganjuran Anugerah Pencinta Nasyid IKIM (APNI) 2020 yang telah diadakan pada 20 Disember 2020. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia turut memberi sumbangan. Anugerah Pencinta Nasyid IKIM (APNI) ialah sebuah program pertandingan mencipta lagu-lagu nasyid berpandukan tujuh (7) nilai penting dalam Islam yang juga merupakan nilai-nilai bersama IKIM iaitu ILMU, HIKMAH, ADAB, AMANAH, ADIL, TAQWA dan BENAR.

Seramai 7 orang penerbit lagu, 7 orang penulis lirik, 7 orang penyusun lagu serta 7 kumpulan penyanyi telah terlibat dalam program ini. Penganjuran kali ini juga berbeza di mana keseluruhan penganjuran dibuat secara dalam talian. Kesemua lagu ciptaan baharu juga diabadikan di dalam satu buku notasi muzik yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan koleksi bernilai bukan sahaja kepada IKIM tetapi juga kepada pencinta seni terutamanya industri nasyid tanah air.

Antara penerbit yang terlibat ialah Mohammad Hafiz bin Hamidun, Azmee bin Abdul Manap (Daqmie), Muhammad Yasin bin Sulaiman, Ikhwan Fatanna, Fuad bin Zabidi (Fuad Ko), Azhrul bin Nasir (Along Exists) dan Mohd Hazry bin Mohd Hafidz (AG Coco). Penyanyi yang akan turut serta ialah kumpulan Rabbani, Hijaz, InTeam, Zayne dan Halim Ahmad, Far East, Fadzli Fareast, Naim Helmi dan Maliq Suhaimi, Awla serta Simfoni dan Afad.

Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, En. Md. Asham bin Ahmad telah membentangkan empat kertas kerja secara atas talian bertajuk "Kedudukan Ilmu dalam Islam"; "Ilmu dan Sumber-Sumbernya"; "Masalah Ilmu Semasa"; dan "Budaya Ilmu dan Pelaksanaannya" di Siri Wacana Pandangan Alam Islam (WISE) 2020 pada 17 & 24 Oktober 2020 anjuran Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM).

Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Cik Wan Roslili Abdul Majid telah membentangkan dua (2) kertas kerja secara atas talian bertajuk "PGK 2019 dan Had Kifayah MAIWP: Satu Tinjauan Perbandingan" dan "COVID-19 dan Fiqh Berkaitan dengan Wabak" di *International Seminar on Syariah and Law (NSLA)* pada 27—28 Oktober 2020 anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Univeristi Sains Islam Malaysia.

Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Pn. Enizahura binti Abdul Aziz telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Input Polisi IKIM Tuntutan Jenazah Mualaf: Perkongsian Pengalaman oleh IKIM" di Bengkel Pembangunan Garis Panduan Tuntutan Jenazah Saudara Kita" pada 5 Oktober 2020 anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran telah membentangkan kertas kerja secara atas talian bertajuk "Islam Liberal Dalam Peta Pemikiran Islam Semasa" di Syarahan Khas Kursus Dakwah dan Ideologi Moden pada 29 Disember 2020 anjuran Jabatan Dakwah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Felow Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Pn. Enizahura binti Abdul Aziz telah membentangkan kertas kerja bertajuk “*Islamic Movements and Religious Pluralism in Malaysia: A Preliminary Analysis of Literature*” di International Conference on Islamic Studies and Civilisation 2020 (KLISI 2020) pada 12 Disember 2020 anjuran Infrastructure University Kuala Lumpur dan Zes Rokman Resources. Pada sesi pembentangan ini, Pn. Enizahura binti Abdul Azizi telah dinobatkan sebagai ‘Best Paper Award.’

Felow Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Pn. Enizahura binti Abdul Aziz telah membentangkan kertas kerja bertajuk “*The Relevance of the Ukhwah Concept in Empowering Interreligious Relations and Unity in Malaysia*” di International Conference on Social Science, Education and Engineering 2020 (KLISI 2020) pada 26 Disember 2020 anjuran Asian Scholars Network.

Felow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM, En. Muhammad Hisyam bin Mohammad telah membentangkan dua (2) kertas kerja secara atas talian bertajuk “Pengharaman Arak dan Impak Sosio Ekonomi ke Atas Masyarakat di Malaysia: Satu Perspektif Islam” dan “PGK 2019 dan Had Kifayah MAIWP: Satu Perbandingan” di International Seminar on Syariah and Law 2020 pada 27 Oktober 2020 anjuran Universiti Sains Islam Malaysia.

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM, Pn. Nur Syahidah binti Abdul Jalil telah membentangkan kertas kerja secara atas talian bertajuk “PGK 2019 dan Had Kifayah MAIWP: Satu Perbandingan” di International Seminar on Syariah and Law 2020 pada 27 Oktober 2020 anjuran Universiti Sains Islam Malaysia.

## PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN IKIM KEPADA YB TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM ketika menyampaikan pembentangan kepada YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Perkongsian secara atas talian oleh Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin bertajuk “Hasil Kajian Berkaitan Wanita, Keluarga dan Masyarakat” di Sesi Taklimat Hasil Kajian Berkaitan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada YB Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusof, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 20 November 2020 anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

### (Koleksi Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid – Pengerusi IKIM)



Ilustrasi Masjid Medina – tahun 1970



UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM  
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM  
50480 KUALA LUMPUR



03 6204 6200



pr@ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia



myIKIM



@myIKIM



IKIM